

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELANGOR/ KL)

TARIKH: 15 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 17

Polis terima laporan bedah siasat tiga mangsa

KAJANG - Polis telah menerima laporan bedah siasat ke atas tiga daripada dua mangsa kebakaran sebuah pusat jagaan rumah orang tua di Persiaran Sungai Long di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang ACP Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff berkata, punca kematian tiga mangsa berkenaan adalah *soot inhalation*.

“Manakala dua lagi mangsa akan dibedah siasat, esok,” katanya ringkas melalui aplikasi *WhatsApp*.

Sementara itu, polis masih lagi menyiasat punca kebakaran pusat jagaan rumah orang tua di Persiaran Sungai Long yang mengorbankan lima mangsa itu.

Mangsa yang terkorban ialah Leow Chong Fah, 60, (lelaki) Kwan Sak Seen, 60, (lelaki), Teo Hoi Foo, 60, (wanita)



Tahu berita nenek maut daripada media
Pusat jagaan orang tua dipercayai tiada permit: MPK

Laporan Sinar Harian semalam.

dan Lai Sew Ying, 70 (wanita) manakala seorang lagi warden Awis Muhammad, 25, (lelaki).
Seorang mangsa lelaki yang terselamat berusia 70

Operasi pemadaman masuk hari kedua

GOMBAK - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggunakan dua jentera untuk mengurai sampah dalam operasi pemadaman di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Hulu Yam yang terbakar memasuki hari kedua semalam.

Tanah dianggarkan berkeluasan 0.4 hektar terbakar di bahagian tebing cerun yang ketinggiannya enam meter.

Ketua Unit Tindakan Khas MPS, C Paramasivam berkata, MPS turut serta membantu pihak bomba dalam operasi tersebut.

Menurutnya, penguraian sampah dilakukan bagi memadamkan api di bahagian dasar

timbunan.

“Operasi dijangka mengambil masa beberapa hari lagi bagi memastikan kebakaran padam sepenuhnya sebelum tindakan pemutihan kawasan dilakukan.

“Struktur binaan yang terdapat di kawasan tersebut telah dirobohkan bagi memastikan aktiviti dihentikan sepenuhnya pada masa akan

datang,” katanya.

Katanya, sebelum ini penguatkuasaan telah dilakukan dengan menyita lapan lori sampah dan penutupan tapak namun aktiviti masih dijalankan pada waktu malam.

Katanya, notis kepada pemilik telah dibuat susulan daripada kejadian tersebut.



Jentera digunakan bagi mengurai sampah bagi memadamkan kebakaran di dasar timbunan sampah domestik dan sisa binaan.